

BOMBA PENYELAMAT NEGARA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ

أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ

وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ،

فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah Subhanahu wa Taala dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredhai oleh Allah Subhanahu wa-Taala di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Bersempena dengan Sambutan Hari Anggota Bomba Sedunia yang disambut pada setiap tahun, mimbar ingin menarik perhatian jemaah untuk bersama-sama menghargai jasa dan sumbangan yang telah dicurahkan oleh anggota bomba dalam menyelamatkan nyawa semasa kebakaran, bencana dan juga kecemasan.

Berdasarkan statistik pada tahun 2016, telah merekodkan sebanyak 90,277 panggilan kecemasan telah dihadiri oleh pihak Bomba iaitu 49,875 panggilan kebakaran dan 40,402 panggilan menyelamatkan. Secara puratanya, sebanyak 247 panggilan kecemasan telah diterima setiap hari di seluruh negara atau 10 panggilan kecemasan setiap jam.

Ia merupakan peningkatan sebanyak 11.75% berbanding tahun 2015 dengan jumlah panggilan sebanyak 82,600. Dalam tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2011 hingga 2015, panggilan kecemasan sentiasa menunjukkan peningkatan. Keadaan ini sangat membimbangkan dan perlu diberi perhatian serius oleh setiap lapisan masyarakat.

Kita hendaklah sentiasa sedar dan waspada serta bersama-sama mengambil perhatian yang serius terhadap aspek pencegahan dan keselamatan kebakaran. Contohnya, kita perlu prihatin terhadap jeriji yang dipasang di rumah kediaman masing-masing agar tidak menjadi perangkap maut apabila berlaku kebakaran. Begitu juga alat pemadam api perlulah disediakan setiap rumah sebagai persediaan apabila berlaku kecemasan. Pemasangan alat pengesan asap juga sangat penting bagi mendapatkan amaran awal kebakaran. Marilah kita menyertai program Pasukan Bomba Komuniti, Pasukan Bomba Sukarela, Bomba Bantuan untuk memudahkan Jabatan Bomba terus mendampingi masyarakat bagi pencegahan kebakaran dan tindakan awal dalam menangani kecemasan. Secara tidak langsung masyarakat akan diterapkan dengan ilmu kebombaian dan mengetahui asas pemadaman kebakaran dan menyelamatkan.

Bersatu dan bersama dalam membina serta menjaga kemakmuran dan keamanan adalah perkara yang dituntut dalam kehidupan kita. Kita juga telah pernah merasakan dan menyaksikan sendiri betapa sukar dan peritnya negara kita dan negara-negara Iain yang dilanda bencana alam seperti banjir besar, gempa bumi, kebakaran, tanah runtuh dan Iain-Iain bencana yang mengorbankan banyak nyawa dan melibatkan kerugian yang besar. Semua bencana yang berlaku ini, adalah merupakan ujian Allah Subhanahu wa-Taala untuk menguji iman kita, menguji ketahanan dan kesediaan kita semua dalam menghadapi mehnah dan ujian khususnya pasukan penyelamat seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Tentera, Polis dan Iain-Iain agensi. Firman Allah subhanahu wa taala dalam surah al-Taubah ayat 126:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
أَوَلَا يَرَوْنَ أَنَّهُمْ يُفْتَنُونَ فِي كُلِّ عَامٍ مَّرَّةً أَوْ مَرَّتَيْنِ ثُمَّ لَا يَتُوبُونَ وَلَا
هُم يَذْكُرُونَ

Yang bermaksud: *Dan (patutkah) mereka (berdegil) tidak mahu memperhatikan, bahawa mereka dicuba (dengan berbagai-bagai bencana) pada tiap-tiap tahun, sekali atau dua kali; kemudian mereka tidak juga bertaubat, dan tidak pula mereka mahu beringat (dan insaf)?*

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Anggota bomba sanggup mempertaruhkan nyawa untuk melawan dan memadamkan kebakaran yang berlaku. Pada saat semua penghuni bangunan bergegas keluar untuk menyelamatkan diri sebaliknya mereka bergegas masuk untuk menyelamatkan mangsa yang terperangkap sehingga ada di antara anggota yang terkorban akibat runtuh bangunan,

letupan dan lain-lain bahaya. Kesungguhan dan kesediaan mereka yang tidak mengenal waktu siang atau malam ini tidak lain dilakukan hanyalah untuk menjamin kesejahteraan dan keselamatan masyarakat serta melindungi harta benda daripada musnah akibat kebakaran ataupun bencana.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Selain itu, kita bersama-sama menjaga dan mengawasi kemudahan awam termasuk pili bomba dan alat keselamatan kebakaran yang disediakan agar selamat digunakan pada waktu yang diperlukan. Allah Subhanahu wa-Taala berfirman dalam surah al-A'raf ayat 56:

وَلَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ بَعْدَ إِصْلَاحِهَا وَادْعُوهُ خَوْفًا وَطَمَعًا إِنَّ رَحْمَتَ اللَّهِ قَرِيبٌ

مِّنَ الْمُحْسِنِينَ ﴿٥٦﴾

Yang bermaksud: *Dan janganlah kamu berbuat kerosakan di bumi sesudah Allah menyediakan segala yang membawa kebaikan padanya, dan berdoalah kepadanya dengan perasaan bimbang (kalau-kalau tidak diterima) dan juga dengan perasaan terlalu mengharap (supaya makbul). Sesungguhnya rahmat Allah itu dekat kepada orang yang memperbaiki amalannya.*

Elakkanlah daripada membuat panggilan palsu. Ketahuilah bahawa talian kecemasan 999 yang disediakan hendaklah digunakan dengan cara yang terbaik. Marilah kita bersama-sama berusaha untuk mendidik dan memberi kesedaran kepada ahli keluarga, rakan-rakan dan juga seluruh masyarakat agar talian kecemasan tersebut tidak disalahgunakan.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa-Taala

Sempena Sambutan Hari Anggota Bomba yang disambut pada tahun ini, mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran kepada Allah Subhanahu wa-Taala dan mendoakan kesejahteraan kita semua dan juga buat mereka yang sedang bertugas demi kesejahteraan, keselamatan dan kemakmuran rakyat agar mereka dilimpahi rahmat dan dipelihara Allah sepanjang masa. Jadilah masyarakat yang sentiasa bekerjasama, tolong-menolong serta bantu-membantu dalam memastikan kesejahteraan kita bersama. Mudah-mudahan dengan itu, rakyat dan negara kita beroleh keberkatan yang berpanjangan.

Firman Allah Subhanahu wa-Taala dalam surah al-An'am ayat 160:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
مَنْ جَاءَ بِالْحَسَنَةِ فَلَهُ عَشْرُ أَمْثَالِهَا وَمَنْ جَاءَ بِالسَّيِّئَةِ فَلَا يُجْزَىٰ إِلَّا مِثْلَهَا وَهُمْ لَا
يُظَلَمُونَ ﴿١٦٠﴾

Yang bermaksud: *Sesiapa yang membawa amal kebaikan (pada hari kiamat), maka baginya (balasan) sepuluh kali ganda (dari kebaikan) yang sama dengannya; dan sesiapa yang membawa amal kejahatan, maka ia tidak dibalas melainkan (kejahatan) yang sama dengannya; sedang mereka tidak dianiaya (sedikitpun).*

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْعَفُورُ الرَّحِيمُ.